

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang menyertai ekonomi gig sebelum dan selepas pandemik, dan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi memastikan jaringan keselamatan sosial bagi mereka yang bekerja di ekonomi gig dibela sepenuhnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) melalui Program eRezeki dan Global Online Workforce (GLOW) yang merupakan program berasaskan ekonomi gig, jumlah keseluruhan peserta mendaftar sehingga Disember 2019 iaitu sebelum pandemik Covid-19 berlaku adalah seramai 333,130 orang.

Jumlah pendaftaran ini telah meningkat lebih sekali ganda pada tahun 2020 (sehingga Disember 2020) iaitu semasa pandemik berlaku yang menjadikan keseluruhan peserta gig berdaftar adalah seramai 699,517 orang.

Struktur hubungan antara pekerja gig ekonomi dan penyedia platform dari segi hubungan '*master and servant*' adalah sukar untuk dibuktikan. Kementerian juga tidak mempunyai sebarang rekod atau pemfailan kes buruh berkaitan golongan ini yang boleh digunakan sebagai *test case* atau penandaarasan. Ini kerana *construct* undang-undang perburuhan negara adalah berdasarkan *nature of business* dan konteks hubungan pekerja-majikan yang tradisional.

Berikutan ini, pekerja gig adalah tidak tertakluk di bawah Akta Kerja 1995 [Akta 265] pada masa ini. Namun, pekerja gig ekonomi seperti penghantar makanan dan *e-hailing services* mendapat perlindungan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] sekiranya mereka mencarum di bawah Akta tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian pada masa ini sedang berusaha meneliti dan mendapatkan maklumat bersama pihak-pihak berkepentingan mengenai kesesuaian penggubalan Akta baharu di bawah Kementerian berkaitan pekerja gig.